coretan memori

Fakulti Perakaunan 2013 - 2014

Dr Asmadi Mohammed Ghazali
Rektor UiTM (Kedah)

sekapur sirih

Bismillahirrahmannirahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan Salam UiTM dihatiku.

Tahniah dan syabas diucapkan atas inisiatif dan kerjasama Jawatankuasa Pelaksana Buku Coretan Memori 2013/2014 Fakulti Perakaunan UiTM (Kedah). Ini merupakan satu usaha murni Fakulti Perakaunan UiTM (Kedah) dalam membukukan segala aktiviti fakulti sepanjang tahun dan dapat meninggalkan impak yang positif di sanubari semua yang terlibat.

Sebagai staf akademik UiTM (Kedah), kita mestilah faham dengan peranan yang perlu dimainkan dan bersedia untuk menghadapi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam segenap segi. Setiap pensyarah harus aktif dalam pelbagai aktiviti seperti menghadiri atau menganjurkan konferensi, bergerak aktif di dalam aktiviti khidmat masyarakat, konsultansi, penyelidiksn, penerbitan dan juga menghadiri kursus-kursus yang bermanfaat.

Pernerbitan Buku Coretan Memori ini diharapkan dapat mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan pensyarah-pensyarah Fakulti Perakaunan UiTM (Kedah). Buku seumpama ini juga dapat dijadikan sebagai sebuah medium penyemaian benih perpaduan yang subur kerana melalui penyatuan yang kukuh, kita mampu membina sebuah gedung ilmu yang berjaya dan dihormati. Pihak Pengurusan Tertinggi kampus akan sentiasa memberikan sepenuh sokongan, dorongan serta dokongan yang jitu.

Akhir kata, syabas sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat.

FAKULTI PERAKAUNAN

seulas pinang

Dr. Marzlin Marzuki A.M. (M)
Ketua Pusat Pengajian Perakaunan

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Illahi kerana telah diberi kekuatan bagi membantu menghasilkan buku ini. Buku ini bertujuan untuk mendokumentasikan segala aktiviti warga Fakulti Perakaunan UiTM Kedah bagi koleksi pertengahan tahun 2013 ke 2014. Secara tidak langsung, buku ini boleh menjadi rujukan oleh warga Fakulti Perakaunan serta warga UiTM Kedah. Proses pembukuan ini juga memberi peluang kepada para pensyarah untuk bergiat dalam aktiviti penulisan dan memahami proses penghasilan sebuah buku yang berkualiti.

Di kesempatan ini saya juga ingin merakamkan setinggi ucapan penghargaan kepada pihak pengurusan UiTM Kedah terutamanya kepada Yang Berbahagian Tuan Rektor, Dr. Asmadi Mohamed Ghazali yang telah memberikan sokongan moral dan kewangan untuk menjayakan penghasilan buku ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Mazlifa Md Daud selaku Pengerusi Projek serta pasukan editorial yang telah bertungkus lumus menghasilkan buku ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah yang telah membantu untuk melicinkan proses penerbitan buku ini.

Akhir kata, saya berharap buku ini boleh memberi manafaat kepada semua.

Dr. Marzlin Marzuki A.M. (M)
Ketua Pusat Pengajian Perakaunan

FAKULTI PERAKAUNAN

Puan Mazlifa Md. Daud
Pengurus Projek

sekalung kata

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat keizinan dan limpah kurnia dari Nya, kelahiran sulung buku Coretan Memori 2013/2014 Fakulti Perakaunan UiTM Kedah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Rakaman jutaan terima kasih dihulurkan terutamanya kepada Dr Marzlin Marzuki selaku Ketua Pusat Pengajian Perakaunan yang telah mencetuskan idea untuk membukukan segala aktiviti Fakulti Perakaunan UITM Kedah dan Jawatankuasa Pelaksana atas komitmen yang tinggi sehingga membolehkan buku ini diterbitkan bagi julung kalinya semenjak wujudnya Fakulti Perakaunan di kampus Permata Lembah Bujang yang indah ini.

Buku Coretan Memori ini berhasrat untuk mengutip dan mengumpul kembali cebisan-cebisan aktiviti sepanjang tahun bukan hanya sekadar menjadi tatapan dan kenangan bersama tetapi apa yang lebih penting ialah supaya aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan akan dapat memupuk ukhwah dan silaturrahim yang telah sedia erat terjalin di kalangan pensyarah Fakulti Perakaunan UiTM Kedah.

Dalam menyempurnakan usaha perintis ini, memang diakui banyak kekurangan dan kelemahan yang ada dan diharapkan segala kekurangan ini akan menjadi suatu dorongan ke arah usaha dan unjuran yang lebih baik di masa hadapan. Akhir kalam, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung di dalam menjayakan penerbitan sulung Buku Coretan Memori 2013/2014 Fakulti Perakaunan UiTM Kedah.

HALAMAN KANDUNGAN

Bil	Kandungan	Muka Surat
1	Ceramah Kerjaya Perakauan	1
2	Pelancaran Majlis "IQRA ACCOUNTANCY"	2
3	Mesyuarat Pelan strategik Jabatan Perakaunan	3
4	Majlis makan Malam & penyampaian Anugerah Dekan SISDA 2014	4
5	Program Share and Tell	5
6	Bengkel Framework Based Teaching of Malaysian Financial Reporting Standards (IFRS)	6
7	Sambutan Hari Lahir Puan Noraini dan Puan Nurul Fatihah	7
8	Bengkel Pengendalian Soalan Peperiksaan Akhir (Diploma)	8
9	Pertandingan Rekacipta Dan Inovasi iidex 2014	9
10	Audit Penaziran Program Ijazah Sarjana Muda	10
11	Program Iqra' accountancy	11
12	Kejohanan Sukan Staf & Hari Keluarga UiTM Cawangan Kedah	12
13	Program Jalinan Kasih Warga Perakaunan Uitm Kedah	13
14	Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim	14
15	Majlis Persaraan Encik Azhar Osman	15
16	Jamuan Hari Raya Peringkat Jabatan	16
17	Bengkel Perlaksanaan Sistem Penasihat Akademik	17
18	Ceramah Teknik Belajar Dari Perspektif Islam Bersama Pelajar Lepasan Pra Perdagangan	18
19	Program Pre-Graduation Night & Dean's Award	19
20	Taklimat Sistem Penasihat Akademik Bersama Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan	20
21	Program Bicara dan Walkaton Sayangi UiTM	21
22	AGM BIACC	22
23	Picnic Bersama Ketua Pusat Pengajian Perakaunan UiTM Kedah	23
24	Program Internship Opportunities at Intel Malaysia 2014	24
25	A talk on Budget 2015: An Update	25
26	Bengkel Penyediaan Kajian Kes & Pembelajaran Berasaskan Masalah	26
27	Audit Penaziran Program Diploma	27
28	Kembara Intelek	28
29	Mesyuarat Jabatan dan Sambutan Hari Lahir	29
30	Program Team Building Biacc 2013	30
31	Program Internship Opportunities at Intel Malaysia	31
32	Majlis Kemuncak Hari Kualiti dan Inovasi UiTM Kedah	32
33	AGM SISDA	33
34	Bengkel FAR 160	34
35	Taklimat Sistem Penasihat Akademik Bersama Pelajar Diploma Perakaunan	35
36	CIMA-UUM Students Conference 2013	36
37	Majlis Bacaan Yassin & Solat Hajat Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakauanan (AC220)	37
38	Majlis Kemuncak Hari Kualiti & Inovasi	38
39	Jamuan Ramah Mesra Bersama Majlis Tertinggi Bachelor in Accountancy Club (BIACC)	39
40	'Back to school' bersama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim & Miskin Nur Hidayah	40
41	Lawatan Professor Klaus Tochtermann ke Uitm Kedah	41
42	Mesyuarat Pelarasan Pengurusan Program Perakaunan Uitm (MP4)	42
43	Bengkel Pengendalian Soalan Peperiksaan Akhir (Diploma)	43
44	Senarai Ahli Jawatankuasa Projek	44

BACK TO SCHOOL' BERSAMA PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK YATIM & MISKIN NUR HIDAYAH

Penyumbang Berita : Puan Noorain Omar

Program 'Back to School' ini merupakan satu program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi Mara, Merbok, Kedah. Program ini mensasarkan kepada anak-anak yatim dan miskin di kawasan luar bandar, secara khususnya dari Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin Nur Hidayah, Kampung Sadik, Kupang, Baling, Kedah, Objektif utama program ini adalah bagi mengurangkan beban anak-anak ini dalam membuat persediaan untuk membolehkan mereka meneruskan sesi persekolahan 2015 dengan kelengkapan yang mencukupi.

Deangan sokongan penaja dan penyumbang, program ini telah berjaya dilaksanakan pada 19 Disember 2014. Anak-anak ini telah dijemput dengan Bas UiTM Kedah dan dibawa ke beberapa pasaraya di Sungai Petani. Barangan yang dibeli merangkumi uniform sekolah, kasut, pakaian uniform, beg sekolah dan juga alat tulis. Program ini akan dilaksanakan oleh para sukarelawan yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah, staf dan pelajar UiTM Merbok, Kedah. Pihak Fakulti Perakaunan ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua penderma, sukarelawan, staf, pensyarah dan pengurusan UiTM Kedah kerana membantu menjayakan program ini.

AHLI JAWATANKUASA PROJEK

Penaung	:	Dr Asmadi Mohammed Ghazali *(Rektor)*
Penasihat Projek	:	Dr Marzlin Marzuki A.M.(M)
Pengerusi Projek	:	Pn Mazlifa Md Daud
Setiausaha	:	Pn Noora'in Omar
Bendahari	:	Cik Maisarah Abd Rahim

Pengerusi Grafik ::

Pn Norarifah Ali
En Mohd Hamidi Adha B Mohd Amin
En Mohd Rozman Mohd Nasir
Pn Nur Aiza Zainol Abidin

Pengerusi Pencetakan ::

En. Zakaria Muhammad
En. Rostam Mohamad @ Ahmad

Pengurus Penerbitan ::

Pn Norhayati Ismail

:: **Penyumbang Berita**

Dr Marzlin Marzuki A.M. (M)
Pn Noora'in Omar
Pn Mazlifa Md Daud
Cik Maisarah Abd Rahim
Pn Siti Salmah Abu Bakar
Pn Jurina Ismail
En Mohd Hafiz Hashim
Dr Khairul Anuar Kamarudin
PM Dr Roshima Hj Said
Pn Zuraini Yaacob
Pn Nurul Fatihah Ilias
Pn Noor Azlina Abdullah
PM Hajah Wan Faizah Wan Abdullah